

Kepemimpinan Ibu Soko Berdasarkan Kerangka Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran

The Leadership of Ibu Soko Based on the Framework of Inculcation of Islamic Values Policy

***Sri Qamariah Mohd Samsir¹**

¹*Akademi Pengajian Bahasa (APB), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam,
Selangor, Malaysia*

***sriqamariah@uitm.edu.my¹**

***Corresponding author**

Received: (leave blank); Accepted: (Leave blank); Published: (leave blank)

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat kepemimpinan Ibu Soko berdasarkan kerangka konsep Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran yang diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1985. Sebagai ketua wanita dalam masyarakat Adat Perpatih, Ibu Soko memainkan peranan yang besar dalam mensejahterakan dan mengharmonikan masyarakat. Dasar ini bertujuan untuk memasukkan unsur Islam dalam pentadbiran dan kehidupan rakyat Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti nilai-nilai Islam dalam kepemimpinan Ibu Soko sebagai pemimpin wanita dalam pentadbiran masyarakat Adat Perpatih. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesemua 11 nilai yang terdapat dalam dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran yang diperkenalkan oleh kerajaan telah diamalkan dan diguna pakai oleh Ibu Soko dalam pentadbiran mereka sebagai pemimpin wanita dalam masyarakat. Hal ini membuktikan bahawa dalam pentadbiran Ibu Soko telah wujud nilai-nilai Islam sejak lama dahulu. Sebagai pemimpin, Ibu Soko memainkan peranan penting dalam membentuk masyarakat yang harmoni, adil dan sejahtera dengan menanamkan nilai-nilai Islam dalam setiap aspek pentadbiran. Kesimpulannya, kepemimpinan yang menerapkan nilai Islam dapat membina sebuah pentadbiran yang bukan sahaja efisien, tetapi mampu membawa kepada keadilan sosial, kejujuran, kebajikan masyarakat, keamanan dan keselamatan serta pembangunan seimbang. Secara tidak langsung dapat menjadi contoh dalam melahirkan pemimpin yang berwibawa serta membawa kesejahteraan kepada rakyat dan generasi akan datang.

Kata Kunci: *Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran, Kepemimpinan Ibu Soko, Nilai Islam*

ABSTRACT

This study aims to examine the leadership of *Ibu Soko* based on the conceptual framework of the Policy on the Application of Islamic Values in Administration, introduced by the Malaysian government in 1985. As a female leader in the *Adat Perpatih* community, *Ibu Soko* plays a significant role in promoting the well-being and harmony of society. This policy seeks to incorporate Islamic principles into governance and the lives of Malaysians. The objective of this study is to identify the Islamic values present in the leadership of *Ibu Soko* as a female leader within the *Adat Perpatih* community administration. This study employs an interview

method. The findings indicate that all 11 values outlined in the policy on the application of Islamic values in administration introduced by the government have been practiced and adopted by *Ibu Soko* in their leadership roles. This proves that Islamic values have long been embedded in the leadership practices of *Ibu Soko*. As leaders, they play a vital role in shaping a harmonious, just, and prosperous society by instilling Islamic values in all aspects of governance. In conclusion, leadership that incorporates Islamic values can build an administration that is not only efficient but also promotes social justice, honesty, community welfare, peace and security, and balanced development. Indirectly, this can serve as a model in producing capable leaders who bring well-being to the people and future generations.

Keywords: *Policy on the Application of Islamic Values in Administration, Ibu Soko Leadership, Islamic Values*



ISSN: 2550-214X © 2025. Published for *Ideology Journal* by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-No Commercial-No Derivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

1 PENGENALAN

Ibu Soko merupakan ketua kaum wanita dalam masyarakat Melayu Adat Perpatih yang memainkan peranan penting dalam sistem pentadbiran. Sebagai sebuah masyarakat matrilineal yang mewariskan harta benda dan harta warisan daripada ibu kepada anak perempuan, menjadikan kepimpinan wanita ini unik kerana tidak diamalkan di negeri lain (Sri Qamariah et al., 2023). Ibu Soko adalah wanita yang paling berpengetahuan dan berpengalaman luas terhadap perjalanan adat khususnya berkaitan salasilah kelompok kekeluargaannya. Mereka juga merupakan pakar rujuk dalam hal ehwal dan urusan adat sama ada dari segi sosial, ekonomi mahupun politik.

Kepemimpinan Ibu Soko adalah konsep yang merujuk kepada peranan penting wanita dalam pentadbiran masyarakat Melayu Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Dalam kepemimpinan dan pentadbiran, Islam sangat menekankan prinsip seperti adil, amanah dan bijaksana yang semuanya adalah nilai-nilai yang sangat dihargai dalam Islam. Dalam konteks ini, Ibu Soko bukan sahaja berfungsi sebagai pemimpin dalam keluarga, tetapi juga pemimpin dalam masyarakat yang memainkan peranan penting bagi memastikan nilai-nilai Islam diterapkan dalam setiap aspek kehidupan seharian. Dengan menggabungkan nilai-nilai Islam dalam kepemimpinan, Ibu Soko dapat membantu membentuk masyarakat yang lebih adil dan beretika serta memastikan setiap keputusan yang diambil tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Sejarah menunjukkan bahawa wanita dalam masyarakat Melayu telah lama memegang peranan penting dalam kepimpinan dan pentadbiran, baik dalam keluarga mahupun dalam masyarakat. Mereka tidak hanya bertindak sebagai penjaga keluarga tetapi juga sebagai pendidik, penasihat dan pembuat keputusan. Dengan menggabungkan nilai-nilai Islam dalam kepemimpinan mereka, Ibu Soko dapat membantu membentuk masyarakat yang lebih adil, beretika dan harmoni.

Melalui penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, konsep Kepemimpinan Ibu Soko dapat dilihat sebagai usaha untuk memperkuat peranan wanita dalam kepemimpinan sambil memastikan bahawa setiap tindakan dan keputusan yang diambil adalah berdasarkan nilai-nilai Islam. Ini bukan sahaja membantu dalam membentuk kepimpinan yang beretika, tetapi juga mempromosikan keadilan dan kesejahteraan dalam masyarakat.

Walaupun terdapat pandangan kolot yang membataskan peranan wanita sebagai pemimpin, namun, banyak sarjana Islam berhujah bahawa Islam bersifat menyeluruh dan membuka ruang kepada wanita untuk memimpin, selagi mereka mempunyai kecekapan dan integriti yang diperlukan. Dalam konteks

pentadbiran, wanita yang menerapkan nilai Islam bukan sahaja dapat menjadi teladan kepada masyarakat, malah membantu membina struktur sosial yang lebih harmoni dan maju.

1.1 Pernyataan Masalah

Peranan dan kepemimpinan Ibu Soko yang sangat penting dalam struktur sosial dan pentadbiran Adat Perpatih semakin pudar. Generasi muda hari ini kurang mengetahui tentangnya. Manakala penerapan nilai-nilai Islam dalam kepimpinan tradisional wanita dalam masyarakat adat perpatih masih kurang dikaji secara mendalam. Ini menimbulkan persoalan sama ada nilai Islam benar-benar dipraktikkan dalam kepimpinan Ibu Soko, terutama aspek amanah, tanggungjawab, ikhlas dan kerjasama dalam menguruskan hal ehwal masyarakat, pewarisan dan penyelesaian konflik.

Selain itu, kurangnya maklumat dan penyelidikan khusus yang menghubungkan secara langsung amalan kepimpinan Ibu Soko dengan nilai Islam yang menjadi asas dasar pentadbiran negara. Ini menyebabkan pengetahuan tentang bagaimana nilai-nilai Islam boleh meningkatkan peranan wanita dalam pentadbiran adat adalah terbatas.

2 SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur ini memberikan pandangan yang luas dan mendalam terhadap kepemimpinan Ibu Soko berdasarkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Dengan menggabungkan pelbagai perspektif, kajian ini membantu memahami kepemimpinan Islam yang berkualiti yang diamalkan oleh Ibu Soko dalam pentadbiran mereka.

Dalam konteks Islam, nilai-nilai seperti amanah, adil, bijaksana dan sederhana menjadi asas kepada prinsip kepemimpinan. Dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran bertujuan untuk memastikan bahawa setiap tindakan dan keputusan yang diambil adalah selaras dengan ajaran Islam yang menekankan kebaikan dan kesejahteraan untuk semua. Sama seperti kepemimpinan Ibu Soko dalam masyarakat Melayu Adat Perpatih yang dianggap sebagai sistem yang berkesan dalam memelihara keharmonian dan kesejahteraan dalam masyarakat (Sri Qamariah et. al, 2023).

Terdapat tiga pecahan peranan Ibu Soko dalam masyarakat Adat Perpatih iaitu peranan dalam masyarakat, peranan dalam organisasi dan peranan terhadap individu (Nurlisa Syuhada & Mohd Yuszaidy, 2023). Peranan ini termasuk dalam majlis perkahwinan, dalam majlis berkodin, dalam perlantikan Dato' Lembaga dan Buapak serta menjadi pakar rujuk berkaitan permasalahan suku.

Walaupun jawatan Ibu Soko kurang dikenali, tetapi bagi masyarakat Adat Perpatih, Ibu Soko mempunyai kedudukan dan pengaruh yang besar, dikagumi dan disanjung tinggi oleh masyarakat bersuku (Fithriah et al., 2018). Ibu soko juga adalah ibu-ibu waris yang berkuasa kerana mereka merupakan ketua adat yang menentukan pemerintahan di setiap wilayah dan kawasan yang berkenaan. Walaupun kuasa memilih pemerintah ditentukan oleh Ibu Soko, tetapi kuasa pemerintahan adalah hak mutlak kaum lelaki.

Dalam Islam kepimpinan amat diperlukan untuk pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara (Siti Fatimah, 2022). Kepimpinan Islam adalah kepimpinan yang beracukan Islam seperti yang diasaskan oleh Rasulullah SAW bagi mewujudkan masyarakat yang menuju ke arah kejayaan di dunia dan akhirat. Kepimpinan Islam mampu menyediakan insan untuk melaksanakan tugas khalifah Allah di muka bumi dan mengabdikan diri kepada Allah SWT dan mengamalkan sistem hidup mengikut syariat yang ditetapkan. Begitu juga dengan Ibu Soko yang mana mereka bertanggungjawab dalam melaksanakan ketentuan agama dan adat. Pada masa yang sama, Ibu Soko perlu ada kualiti dasar seperti berakal, kaya, pemurah, berilmu, arif bijaksana, jujur, lurus dan benar, adil dan berfikir (Norhalim, 2005). Dengan kualiti dasar ini Ibu Soko mampu memimpin dan membangun diri, keluarga, masyarakat dan Adat Perpatih itu sendiri seperti apa yang digariskan oleh Islam.

Hasan al-Banna (2018) menjelaskan prinsip-prinsip dalam Model Kepimpinan Islam menekankan akhlak dan moral yang meliputi i) Nilai Tauhid, ii) Syarat dan Ciri-ciri Pemimpin, iii) Organisasi (Jama'ah), iv) Konsep Shura, v) Pengikut, vi) Pendidikan Berterusan dan vii) Faktor Persekitaran. Penekanan akhlak dan moral dalam pembentukan kepimpinan Islam yang berkualiti menjadi satu keperluan bagi semua pihak. Begitu juga halnya dengan Ibu Soko yang sangat menitikberatkan keadilan dan kesejahteraan masyarakat. Sebagai pakar rujuk dalam hal adat dan suku, Ibu Soko perlu ada ilmu, bijaksana dan adil.

Seorang pemimpin adat pula harus mempunyai tanggungjawab dan kewajipan yang besar terhadap masyarakat. Oleh hal yang demikian, pemimpin adat mestilah mempunyai kualiti yang sesuai dengan kedudukan dan statusnya sebagai ketua adat (Mohd Nasir, 2022). Antara kualiti dasar yang harus ada pada seorang pemimpin adat ialah berakal, kaya, pemurah, berilmu, arif bijaksana, jujur, lurus dan benar, adil serta berfikir. Sembilan (9) kualiti dasar tersebut perlu diterapkan dan diamalkan oleh setiap pemimpin bagi memastikan kelancaran tugas mereka seterusnya dipandang tinggi oleh ahli masyarakat terutamanya masyarakat Adat Perpatih.

Menurut Ahmad Nabil dan Tasmin (2021) untuk membina institusi kemasyarakatan ke arah kemajuan bangsa, kepimpinan wanita adalah penting. Memandangkan terdapat beberapa pengecualian yang membataskan bidang kepimpinan mereka, wanita juga memikul tanggungjawab memimpin seperti lelaki. Dalam Islam, kepimpinan wanita diletakkan di tempat yang ideal. Wanita hebat dalam kepimpinan dari segi kesungguhan dan kemahiran, minat dan ketekunan dalam tugas serta keupayaan menyelesaikan masalah.

3 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan dan temu bual. Kaedah kepustakaan merupakan kaedah yang melibatkan carian maklumat berkaitan tajuk kajian. Manakala kaedah temu bual yang digunakan dalam kajian ini melibatkan seorang informan bagi membantu mencapai objektif kajian iaitu mengenal pasti kepemimpinan Ibu Soko berdasarkan kerangka konsep Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran yang diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1985.

4 DASAR PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN 1985

Dalam kajian ini, kerangka konsep yang digunakan ialah Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1985 oleh Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad. Ia merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk memasukkan unsur-unsur Islam dalam pentadbiran dan kehidupan rakyat Malaysia. Objektif pembinaan dasar ini adalah seperti berikut:

- i. Membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang bermaruah, beridentiti kukuh dan disegani oleh masyarakat lain
- ii. Menubuhkan sebuah negara Bahagia
- iii. Menghapuskan sikap yang negatif dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan
- iv. Menghasilkan perkhidmatan yang bermutu

Walaupun pada mulanya dasar ini ditumpukan kepada kakitangan kerajaan, namun ia jelas bertujuan untuk memupuk amalan nilai-nilai murni yang boleh diterima oleh semua pihak dan golongan di Malaysia tidak kira status sosial mereka. Hal ini kerana bukan sahaja agama Islam mengajarkan tentang nilai murni tersebut, malah agama-agama lain juga menitikberatkan amalan nilai ini.

Daripada banyaknya nilai murni dalam Islam, hanya 11 nilai sahaja yang dipilih untuk dijadikan asas dasar dalam pentadbiran. Nilai tersebut adalah i. Amanah, ii. Tanggungjawab, iii. Ikhlas, iv.

Dedikasi, v. Sederhana, vi. Tekun, vii. Bersih, viii. Berdisiplin, ix. Bekerjasama, x. Berbudi Mulia dan xi. Bersyukur.

5 PERBINCANGAN

Ibu Soko merupakan wanita yang paling berilmu dan berpengalaman dalam hal-hal adat, khususnya dalam suku atau kelompok kekeluargaan Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Mereka juga merupakan pakar rujuk dalam urusan sosial, ekonomi dan politik adat serta mempunyai kuasa istimewa yang tidak boleh dipertikaikan. Kepemimpinan Ibu Soko bukan sahaja berdasarkan kuasa formal, tetapi juga dihormati kerana kebijaksanaan, pengalaman dan tanggungjawabnya dalam menjaga nilai-nilai dan tradisi masyarakat.

Berikut merupakan kepemimpinan Ibu Soko sebagai ketua wanita dalam pentadbiran masyarakat Adat Perpatih serta dasar penerapan nilai Islam yang berkait dengan tindak tanduk mereka dalam memelihara keharmonian dan kesejahteraan masyarakat. Terdapat tujuh (7) kepemimpinan utama Ibu Soko yang dipadankan dengan Dasar Penerapan Nilai Islam dalam pentadbiran 1985. Perinciannya adalah seperti di bawah.

5.1 Ikhlas dan Sederhana dalam Melaksanakan Ketentuan Agama dan Adat

Berdasarkan kerangka konsep dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, ikhlas dan sederhana membawa maksud berhati mulia dalam melaksanakan tugas tanpa mengharapkan balasan daripada manusia, niat bertugas dan bekerja kerana Tuhan serta mencari keredaan-Nya, melaksanakan tugas dan kerja bukan atas dasar kepentingan diri, membuat keputusan dengan adil, gigih menghasilkan kerja yang terbaik serta berusaha bersungguh-sungguh memperbaiki hasil kerja sehingga ke tahap cemerlang.

Sebagai ketua kaum wanita, Ibu Soko memainkan peranannya dengan ikhlas dan sederhana dalam melaksanakan ketentuan agama dan adat. Konsep ikhlas dan sederhana bukan sekadar nilai, tetapi asas penting dalam membentuk pentadbiran yang adil dan berintegriti. Sifat ikhlas melahirkan kejujuran dan ketulusan dalam menjalankan tugas tanpa mengharapkan pujian atau balasan daripada manusia. Sebaliknya bertindak dengan niat kerana Tuhan. Manakala sederhana pula bermaksud seimbang dalam setiap tindakan, tidak melampau atau berat sebelah dalam membuat keputusan serta sentiasa berusaha memperbaiki diri dan hasil kerja. Apabila digabungkan, kedua-dua nilai ini mendorong kepada kecemerlangan dalam pentadbiran, memastikan keputusan yang dibuat adalah berdasarkan keadilan dan bukannya kepentingan peribadi.

Pada masa yang sama mereka juga bertindak sebagai pemelihara identiti dan tradisi agar adat dan budaya tidak dilupakan, diamalkan dan diwarisi. Dalam melaksanakan ketentuan agama dan adat, dasar ini juga bukan sahaja memperkukuh kepercayaan dalam sesebuah organisasi, tetapi mencerminkan nilai-nilai Islam yang murni dalam pengurusan, menjadikan pentadbiran lebih berkesan dan harmoni. Ia amat relevan dalam memastikan keberkesanan sistem pentadbiran yang membawa manfaat kepada semua ahli masyarakat Adat Perpatih.

5.2 Amanah, Bekerjasama dan Ikhlas Memilih Ketua Adat

Dalam konteks pemilihan ketua adat, nilai amanah, bekerjasama dan ikhlas memainkan peranan penting. Amanah merujuk kepada kepercayaan dan tanggungjawab yang diberikan kepada seseorang untuk melaksanakan tugas dengan jujur dan adil. Manakala bekerjasama melibatkan kesepakatan dan sokongan antara anggota masyarakat dalam membuat keputusan yang terbaik. Ikhlas pula merujuk kepada kesediaan melaksanakan tugas tanpa ada kepentingan diri. Secara tidak langsung nilai ini menjadi asas kepada kepimpinan yang berintegriti.

Peranan Ibu Soko dalam pemilihan ketua adat adalah bagi memastikan pemilihan tersebut dilakukan dengan adil dan berlandaskan nilai-nilai Islam seperti amanah, tanggungjawab dan ikhlas. Sebagai individu yang dihormati dalam masyarakat, Ibu Soko mempunyai kuasa mengenal pasti dan

menentukan calon ketua adat, menjaga kesinambungan adat, membimbing dan memberi nasihat, menganjurkan majlis adat serta menjadi penghubung antara masyarakat dan pemimpin adat untuk mencapai kata sepakat. Dengan adanya penerapan nilai Islam dalam pentadbiran, pemimpin adat dapat menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab serta memastikan kesejahteraan masyarakat.

5.3 Tekun, Bersih, Amanah dan Bekerjasama Meneruskan Jurai Keturunan Kelompok Kekeluargaan

Antara peranan penting Ibu Soko ialah meneruskan jurai keturunan dan menjaga kelompok kekeluargaan dalam sistem Adat Perpatih. Peranan ini memerlukan nilai tekun, bersih, amanah dan bekerjasama. Selain itu, Ibu Soko juga memainkan peranan dalam memastikan kesinambungan jurai keturunan dan menjaga keharmonian kelompok kekeluargaan. Dalam meneruskan jurai keturunan, Ibu Soko sangat menjaga kesucian keturunan serta mendidik generasi muda tentang nilai-nilai adat, tradisi dan nilai-nilai Islam. Nilai-nilai ini sangat berkait rapat dengan kepemimpinan Ibu Soko dalam memastikan adat dan warisan keluarga diteruskan dengan penuh tanggungjawab.

Sebagai ketua wanita yang berpengetahuan dan berpengalaman luas dalam adat, Ibu Soko bertanggungjawab memastikan kesinambungan keturunan melalui sistem matrilineal yang mana warisan dan keturunan diturunkan melalui garis ibu. Maka, tugasnya adalah menjaga dan mengawasi perjalanan adat serta memastikan keturunannya menjadi ahli masyarakat yang berguna dan memiliki sikap madani. Mereka berfungsi sebagai penjaga adat dan pemimpin dalam keluarga serta komuniti, serta memastikan nilai-nilai tradisional terus diamalkan dan diwarisi oleh generasi seterusnya. Dengan adanya nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, masyarakat adat dapat mengekalkan sistem kepimpinan yang berintegriti dan berlandaskan keadilan serta maju dari segi pemikiran, kerohanian dan akhlak.

5.4 Tekun dan Berdisiplin Memastikan Keturunannya Menjadi Ahli Masyarakat yang Berguna dan Madani

Dalam kepimpinan Ibu Soko, nilai Islam seperti tekun dan disiplin memainkan peranan penting bagi memastikan keturunannya menjadi ahli masyarakat yang berguna dan madani. Tekun dalam menjalankan tanggungjawab sebagai penjaga adat dan warisan keluarga membantu mengekalkan kesinambungan nilai-nilai tradisional yang berlandaskan Islam. Disiplin pula memastikan bahawa setiap individu dalam kelompok kekeluargaan mematuhi ajaran Islam dan adat yang diwarisi.

Kepimpinan Islam menekankan aspek pembangunan insan yang berakhlak mulia, berilmu dan bertanggungjawab terhadap masyarakat. Dalam konteks kepimpinan Ibu Soko, mereka bukan sahaja berperanan sebagai pemimpin keluarga tetapi juga sebagai pembimbing dan penasihat kepada keluarga dan masyarakat dalam membentuk generasi yang berpegang teguh kepada nilai-nilai Islam dan budaya Melayu.

Selaras dengan konsep madani yang menekankan kesejahteraan dan keadilan, prinsip ini penting untuk membina masyarakat yang harmoni dan berdaya maju. Dengan menerapkan nilai ketekunan dan disiplin dalam kepimpinan, Ibu Soko boleh memastikan bahawa keturunan mereka akan mengekalkan nilai Islam dan memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat.

5.5 Berbudi Mulia dan Bersyukur Memelihara Harta Pusaka

Dalam Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran, nilai berbudi mulia merujuk kepada bertimbang rasa dan bertolak ansur, menghormati orang lain serta sentiasa bertanya dengan niat untuk membantu. Manakala bersyukur pula merujuk kepada tidak berbangga dengan kedudukan, berkhidmat dengan niat sebagai ibadah, melihat sesuatu perkara dengan pandangan yang positif serta menjadi individu yang menyumbang kepada masyarakat, negara dan agama.

Dalam kepemimpinan Ibu Soko pula, mereka bukan sahaja bertanggungjawab menjaga warisan keluarga tetapi juga memastikan harta pusaka dipelihara dan digunakan dengan bijak dan adil.

Dalam konteks ini, berbudi mulia merujuk kepada sikap ketua atau pemimpin yang berhemah, bertimbang rasa dan mengutamakan kesejahteraan keluarga serta masyarakat. Ibu Soko perlu memastikan bahawa harta pusaka tidak disalahgunakan dan diwarisi dengan penuh tanggungjawab oleh generasi seterusnya. Sikap ini membantu mengekalkan keharmonian dalam keluarga dan memastikan warisan adat terus dihormati.

Selain itu, bersyukur terhadap harta pusaka yang dimiliki adalah satu nilai penting. Syukur bukan sahaja suatu penghargaan terhadap warisan nenek moyang, tetapi juga dalam usaha menjaga dan memanfaatkan harta tersebut dengan sebaiknya. Dengan bersyukur, seseorang akan lebih menghargai dan menjaga harta pusaka agar dapat memberi manfaat kepada generasi akan datang. Secara tidak langsung dapat memastikan kesinambungan adat dan warisan keluarga, serta membentuk masyarakat yang lebih bertanggungjawab dan berdaya maju. Sikap ini juga selaras dengan prinsip Adat Perpatih yang menekankan keadilan dan kesejahteraan dalam pembahagian harta pusaka.

5.6 Bertanggungjawab dan Berdedikasi Sebagai Penguasa Tanah dan Rumah Pusaka

Dalam menguruskan urusan tanah dan rumah pusaka, sikap bertanggungjawab dan berdedikasi mesti ada dalam diri seorang Ibu Soko. Sebagai penjaga warisan keluarga, Ibu Soko harus memastikan harta pusaka dipelihara dengan baik dan diwarisi secara adil mengikut Adat Perpatih.

Bertanggungjawab bermaksud memastikan tanah dan rumah pusaka tidak disalahgunakan atau dijual tanpa persetujuan keluarga. Dalam menjaga kesejahteraan keturunan, Ibu Soko perlu memastikan harta pusaka terus memberi manfaat kepada generasi seterusnya. Dedikasi pula merujuk kepada usaha berterusan dalam menguruskan harta pusaka dengan penuh amanah dan kebijaksanaan. Ibu Soko perlu memastikan bahawa tanah adat digunakan untuk kepentingan keluarga dan masyarakat serta mengekalkan nilai-nilai tradisional yang diwarisi.

Dengan penerapan kedu-dua nilai ini, kepimpinan Ibu Soko dapat memastikan kesinambungan adat dan warisan keluarga serta membentuk masyarakat yang lebih stabil dan berdaya maju. Nilai ini juga selaras dengan prinsip Adat Perpatih yang menekankan keadilan dan kesejahteraan dalam pembahagian harta pusaka.

5.7 Amanah, Ikhlas dan Bersih Sebagai Penasihat, Pemimpin, Penjaga Adat dan Tradisi

Masyarakat Adat Perpatih mengangkat Ibu Soko sebagai penasihat, pemimpin dan penjaga adat dan tradisi. Mereka memandang tinggi ilmu dan pengetahuan Ibu Soko terhadap adat dan sejarah suku. Mereka juga mendapatkan nasihat daripada Ibu Soko tentang hal-hal yang berkaitan dengan keluarga, perkahwinan dan kehidupan sosial. Pada masa yang sama, Ibu Soko bertindak sebagai penyelesai konflik dalam masyarakat. Oleh hal yang demikian, seorang Ibu Soko mesti ada nilai amanah, ikhlas dan bersih dalam menjalankan tugas.

Amanah dengan mengutamakan tuntutan masyarakat berbanding diri sendiri. Ikhlas menasihati kerana Allah tanpa mengharapkan apa-apa balasan. Bersih ketika membuat pertimbangan terhadap sesuatu konflik dan menjauhi hawa nafsu serta emosi ketika membuat keputusan. Ketiga-tiga nilai Islam dalam pentadbiran ini menggambarkan Ibu Soko adalah hamba Allah dan pelaksana tanggungjawab terhadap masyarakat dengan adil. Nilai-nilai ini secara tidak langsung menggambarkan kepimpinan berasaskan takwa yang mana seorang ketua berusaha menegakkan keadilan dan kesejahteraan masyarakat dengan hati yang ikhlas.

5.8 Bertanggungjawab dan Berdedikasi sebagai Ikon dan Sumber Rujukan Masyarakat

Bertanggungjawab bermaksud memikul tugas besar dalam memastikan pelaksanaan ketentuan agama dan adat berjalan dengan sempurna. Berdedikasi pula menunjukkan komitmen, ketekunan dan keikhlasan dalam menjalankan tugas. Sebagai pakar rujuk dan ikon masyarakat,

Ibu Soko menunjukkan tanggungjawab dan dedikasi melalui pelbagai peranan penting dalam adat Perpatih yang berlandaskan nilai-nilai Islam dan adat tradisional. Mereka bertanggungjawab melaksanakan ketentuan agama dan adat, memastikan kesinambungan jurai keturunan serta memastikan keturunannya menjadi ahli masyarakat yang berguna dan memiliki sikap madani.

Ibu Soko juga memimpin masyarakat dengan penuh budi pekerti mulia, menjaga keharmonian dan kesejahteraan masyarakat serta memastikan adat dan nilai Islam terus relevan dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Dengan peranan ini, mereka sentiasa menjadi sumber rujukan utama dalam hal ehwal adat dan agama, yang mana masyarakat menjadikan mereka sebagai contoh teladan dalam pentadbiran yang berlandaskan nilai-nilai Islam. Kepemimpinan yang bertanggungjawab dan berdedikasi ini memastikan kesinambungan tradisi dan nilai Islam dalam membentuk masyarakat yang harmoni, berdaya maju dan beretika.

6 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kepemimpinan Ibu Soko yang berlandaskan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran 1985 dapat memperkukuh sistem adat dan memastikan kesejahteraan masyarakat melalui penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran keluarga dan masyarakat. Kesemua 11 dasar dipraktikkan dalam pentadbiran dan dijadikan acuan untuk memimpin masyarakat Adat Perpatih. Dengan menekankan nilai adil, amanah dan ikhlas, kepimpinan ini dapat terus relevan hingga kini dalam membentuk masyarakat yang madani dan berdaya maju serta memastikan kesinambungan keturunan, pemeliharaan harta pusaka serta keharmonian masyarakat. Dalam konteks kepimpinan Ibu Soko, nilai-nilai seperti amanah, ikhlas, berdedikasi, tekun, bersih, disiplin, berbudi mulia, bersyukur, bertanggungjawab, bekerjasama dan berdedikasi dan menjadi asas dalam memastikan kelangsungan adat dan kesejahteraan masyarakat.

Ibu Soko bukan sahaja berperanan sebagai penjaga adat, tetapi juga sebagai pemimpin, ikon dan sumber rujukan yang memastikan harta pusaka dan tanah diwarisi serta diuruskan dengan penuh amanah, beretika dan berintegriti. Kepemimpinannya yang berteraskan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran 1985 dapat memperkukuh sistem adat dan kesejahteraan masyarakat, serta membuktikan bahawa nilai-nilai Islam mampu menjadi asas kukuh dalam membina masyarakat yang harmoni dan berdaya saing. Penerapan 11 dasar tersebut dalam pentadbiran membuktikan kepemimpinan Ibu Soko yang berwibawa dalam memastikan kelangsungan Adat Perpatih, pemeliharaan harta pusaka serta keharmonian masyarakat.

PENGHARGAAN

Tiada penghargaan khusus kepada mana-mana individu/organisasi yang ingin direkodkan.

PEMBIAYAAN

Tiada pembiayaan dari mana-mana institutis organisasi yang ingin dilaporkan.

SUMBANGAN PENULIS

Manuskrip ini dihasilkan oleh penulis tunggal.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada konflik kepentingan yang ingin direkodkan dalam penghasilan manuskrip ini.

RUJUKAN

- Ahmad Nabil, A. & Tasmin, A. R. (2021). Kepimpinan Wanita Menurut Perspektif Hamka: Women Leadership from the Perspective of Hamka. *Journal of Quranic Sciences and Research*, 2(1), 18-26. <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/jqsr/article/view/8109>.
- Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran 1985.
- Fithriah, W., Mualimin, M. S., & Setiawan, G. (2018). Pengaruh Sistem Matrilineal dalam Adat Negeri Sembilan: Perspektif Syarak. *Malaysia Journal of Syariah and Law* 8(1): 83-91.
- Hasan al-Banna, M. (2018). Islam dan Pembentukan Kepimpinan Berkualiti. *Zulfaqar Journal of Defence Management, Social Science & Humanities*, 1(1). Capaian dari <https://zulfaqarjdmssh.upnm.edu.my/index.php/zjdmssh/article/view/16>.
- Nurlisa Syuhada, M. R., & Mohd Yuszaidy, M. Y. (2023). Adat Perpatih di Luak Johol, Negeri Sembilan: Peranan Ibu Soko. *Jurnal Wacana Sarjana*, 7(3), 1-13. Retrieved from <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/538>.
- Mohd Nasir, S. (2022). *Bijaksana Pemimpin Dalam Pengurusan Kepimpinan Adat Di Minangkabau Dan Adat Perpatih di Negeri Sembilan*. Prosiding SEMINANG 2022. Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) - 21 April 2022.
- Norhalim, I. (2005). *Peranan dan Kedudukan Wanita Adat Perpatih*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Persukuan Adat Perpatih dan Makanan Tradisional Negeri Sembilan Darul Khusus anjuran bersama Lembaga Muzium Negeri Sembilan & Universiti Kebangsaan Malaysia. UKM-19 Disember 2005.
- Siti Fatimah, M. N. (2022). Kepimpinan Islam Dalam Tadbir Urus Insan: Satu Tinjauan. *Cifer International Journal of Islamic Finance* June 2022, Vol. 1, Issue. 1.
- Sri Qamariah, M. S., Nor Azita, C. D., Saliza, I., & Midiyana, M. (2023). *Kepemimpinan Ibu Soko Dalam Pentadbiran Masyarakat Adat Perpatih*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-8 (PASAK8 2023). Universiti Islam Selangor – 11 Mei 2023.